

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**Pemohonan Pembekalan Peralatan & Perkhidmatan Majlis Luar Serta Tunggu Sedia  
- Tuntutan Bayaran Kerja Lebih Masa**

Dengan hormat merujuk perkara tersebut di atas, untuk YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan, Jabatan Prasarana-UKM bagi tahun 2017 peruntukan penyelenggaraan yang diluluskan oleh Jabatan Bendahari sebanyak RM 18 juta berbanding jumlah yang dipohon sebanyak RM 27 juta yakni pengurangan sebanyak 35%.

Sehubungan ini, Prasarana-UKM terpaksa membuat penyelarasan peruntukan sedia ada bagi menampung kos penyelenggaraan dan perkhidmatan yang disediakan bagi memenuhi keperluan operasi penyelenggaraan Jabatan. Prasarana-UKM kini membekalkan peralatan dan perkhidmatan untuk majlis bagi keseluruhan Universiti. Atas faktor kekangan peruntukan, perkhidmatan pembekalan peralatan majlis dan tunggu sedia hanya terhad kepada waktu bekerja sahaja kecuali bagi majlis Universiti. Oleh itu sekiranya Pusat Tanggungjawab melaksanakan aktiviti selepas waktu pejabat atau hujung minggu dan hari kelepasan am yang memerlukan pembekalan peralatan majlis dan tunggu sedia, kos bayaran kerja lebih masa perlu ditanggung oleh pihak penganjur majlis atau Pusat Tanggungjawab terlibat. Pusat Tanggungjawab terlibat perlu mengeluarkan arahan kerja lebih masa kepada staf Prasarana-UKM yang terlibat bekerja di luar waktu pejabat. Pihak kami akan mengemukakan senarai nama staf Prasarana-UKM terlibat untuk tujuan di atas.

Sukacita pihak YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan mengambil perhatian terhadap perkara ini bagi mengelakkan kesulitan dalam pengurusan dan pelaksanaan majlis yang dianjurkan kelak.

Kerjasama dan sokongan yang pihak YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan berikan amat dihargai.




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Prasarana-UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: +603-8921 5045 Faksimili: +603-8921 5051 E-mel: [pghjpp@ukm.edu.my](mailto:pghjpp@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/jpp>

Sekian, terima kasih.

Yang benar



**PROF MADYA IR DR OTHMAN JAAFAR**  
Pengarah  
Prasarana-UKM

s.k. Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia


Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UKM

Ketua Eksekutif Pentadbiran  
Jabatan Pendaftar, UKM

Ketua Ekektif Kewangan  
Jabatan Bendahari, UKM

Ketua Unit  
Prasarana UKM

(Sukacita tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada staf yang terlibat dan menyerahkan nama staf terlibat kepada Pusat Tanggungjawab yang terlibat, terima kasih)



MS ISO 9001:2008 Cert. No.: AR 5779

Prasarana-UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 5045 Faksimili: +603-8921 5051 E-mel: [pghjpp@ukm.edu.my](mailto:pghjpp@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/jpp>